

# Pengganti Kah Kiat diumumkan selepas berbincang dengan Abdullah — Dr. M

**14 FEB 2003**  
KUALA LUMPUR 13 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan berbincang terlebih dahulu dengan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum mengumumkan nama Ketua Menteri Sabah yang baru menggantikan Datuk Chong Kah Kiat.

Menurut Perdana Menteri, beliau hanya akan mengumumkan nama pemimpin yang terpilih selepas perbincangan itu.

“Namanya tidak akan diumumkan sekarang atau hari ini. Kita

akan buat pengumuman tidak lama lagi. Jangan bimbang,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Taklimat Presiden UMNO di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada nama Ketua Menteri Sabah akan diumumkan dalam waktu terdekat ini memandangkan Kah Kiat akan menamatkan tugasnya pada 27 Mac ini.

Perdana Menteri berkata, sehingga kini beberapa nama sedang

dipertimbangkan untuk mengisi jawatan itu.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan berapa calon yang sedang dipertimbangkan untuk menggantikan Kah Kiat.

Ketika ditanya sama ada terdapat pihak yang sedang melobinya agar melantik pemimpin tertentu sebagai Ketua Menteri yang baru, Dr. Mahathir berkata, setakat ini tiada pihak yang berbuat demikian.

“Saya tak ada terima lobi dari siapa-siapa. Tak ada,” katanya.